

Headline	Pelabur asing kembali ke pasaran tempatan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	17 Jan 2017	Language	Malay
Circulation	125,514	Readership	947,000
Section	Bisnes	Page No	B1,4
ArticleSize	421 cm ²	Journalist	Shahrizan Salian
PR Value	RM 43,371		



MIDF RESEARCH

Pelabur asing kembali ke pasaran tempatan

Ms.B4

Pelabur asing kembali ke pasaran

➔ Ekonomi negara kekal stabil, pertumbuhan jualan runcit naik

Oleh Shahrizan Salian

shahrizan_salian@bh.com.my

Pelabur asing membuat kemunculan semula ke dalam pasaran ekuiti Malaysia minggu lalu, walaupun masih terlalu awal untuk membuat rumusan.

Berdasarkan data awal daripada Bursa Malaysia, pelabur asing membuat belian bersih RM382.8 juta minggu lalu, tertinggi sejak minggu ketiga bulan September lalu.

MIDF Research melalui Laporan Aliran Dana mingguannya, menyatakan data ekonomi lebih kukuh yang dikeluarkan sejak awal

tahun ini menunjukkan bahawa ekonomi Malaysia kekal stabil.

"Ini termasuk data bulan November yang menunjukkan eksport lebih kukuh dan pertumbuhan jualan runcit sembilan peratus berbanding setahun lalu, selain pengeluaran perindustrian yang berkembang 6.2 peratus," katanya.

Pelabur asing muncul penjual bersih apabila pasaran dibuka pada Isnin dan Selasa minggu lalu. Penjualan itu berakhir serta-merta pada Rabu apabila pelabur asing menjadi pembeli bersih bernilai RM130 juta.

Aliran masuk itu memuncak pada Khamis apabila pelabur asing membeli saham bernilai RM226

juta, jumlah tertinggi sejak 18 Oktober 2016. Ia kembali berkurangan pada Jumaat, sejajar dengan arah aliran peringkat serantau.

MIDF Research berkata, perkara paling signifikan adalah peningkatan kukuh dari segi penyertaan pelabur asing.

Pasaran runcit kukuh

Katanya, purata nilai dagangan harian (ADTV) pelabur asing meningkat kepada RM848 juta, 40 peratus

lebih tinggi berbanding dengan minggu sebelumnya.

Ia juga, katanya, menghampiri purata penyertaan tahun lalu, iaitu RM957 juta.

"Pelabur tempatan mengambil peluang daripada pembelian pelabur asing untuk membersihkan sebahagian posisi mereka dalam pasaran. Kami dapati pasaran runcit pada masa ini adalah aktif, dengan kadar penyertaan tertinggi sejak Ogos 2016," katanya.

Pasaran ekuiti seluruh dunia secara relatifnya agak kurang memberangsangkan minggu lalu, selepas pembukaan kukuh bagi 2017.

Bakal Presiden Amerika Syarikat, Donald Trump menyampaikan ucapan pertamanya, namun ia mengecewakan kerana tidak memberikan sebarang butiran mengenai janji untuk merangsang ekonomi, seperti pemotongan cukai atau perbelanjaan infrastruktur.

Headline	Pelabur asing kembali ke pasaran tempatan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	17 Jan 2017	Language	Malay
Circulation	125,514	Readership	947,000
Section	Bisnes	Page No	B1,4
ArticleSize	421 cm ²	Journalist	Shahrizan Saliان
PR Value	RM 43,371		



Headline	Pelabur asing kembali ke pasaran tempatan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	17 Jan 2017	Language	Malay
Circulation	125,514	Readership	947,000
Section	Bisnes	Page No	B1,4
ArticleSize	421 cm ²	Journalist	Shahrizan Salian
PR Value	RM 43,371		



Penyertaan pelabur asing dalam ekonomi negara semakin meningkat.

